

B517
KAMPUNG KONGGO

1982

KUALA LUMPUR, 1 FEB. (BERNAMA) -- SEPULUH ORANG PENUNGGANG KUDA BAJAU TELAH MENYAMBUK DAN MENGIRINGI PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD DAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH DARI PERSIMPANGAN JALAN CHERAS KE UPACARA PERASMIAN BANDAR TUN ABDUL RAZAK YANG DAHULU DIKENALI DENGAN NAMA KAMPUNG KONGGO.

PENUNGGANG-PENUNGGANG MOTOSIKAL JUGA MENGIRINGI PERDANA MENTERI DAN TIDAK KETINGGALAN KANAK-KANAK SEKOLAH MENYAMBUK DATUK SERI DR. MAHATHIR DENGAN MELAMBAI-LAMBAIKAN BENDERA DI KIRI-KANAN JALAN SEPANJANG 3.2 KM DARI SIMPANG JALAN CHERAS KE TEMPAT UPACARA TERSEBUT.

UPACARA PERASMIAN ITU DISERIKAN LAGI DENGAN PERTUNJUKAN KEBUDAYAAN SEPERTI PERMAINAN CAK LEMPUNG.

BERIBU ORANG PENDUDUK DI BANDAR TERSEBUT KELUAR BERAMAI-RAMAI MENYAKSIKAN UPACARA TERSEBUT. DATUK SERI DR. MAHATHIR DIBERIKAN TEPUKAN YANG GEMURUH SEJURUS SAHAJA BELIAU MENGISYTIHARKAN NAMA BARU KAMPUNG KONGGO IAITU +KAMPUNG TUN ABDUL RAZAK.+

KEMUDIAN PERDANA MENTERI DAN LAIN-LAIN ORANG KENAMAAN MENAIKKI BAS YANG DISEDIAKAN BAGI MELIHAT SENDIRI BANDAR ITU SELAMA KIRA-KIRA DUA JAM. -- BERSAMBUNG 1640/SZ

B580
KAMPUNG KONGGO 2 KUALA LUMPUR

BANDAR TUN RAZAK YANG TERLETAK KIRA-KIRA 7.2 KM DARI BANDARAYA KUALA LUMPUR TELAH DINAMAKAN SEMPERNA DENGAN NAMA BEKAS PERDANA MENTERI ALLAHYARHAM TUN ABDUL RAZAK KERANA BELIAULAH YANG TELAH MENGILHAMKAN PROJEK PEMBANGUNAN TERSEBUT DALAM TAHUN 1974.

APABILA TERLAKSANA PEMBANGUNAN-PEMBANGUNAN DI BANDAR TERSEBUT, PENDUDUK-PENDUDUK DI BANDAR ITU AKAN MERUPAKAN PENDUDUK BANDARAYA YANG PERTAMA MENETAP DALAM SEBUAH BANDAR YANG KOMPREHENSIF DAN LENGKAP DENGAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN ASAS DAN REKREASI DI WILAYAH PERSEKUTUAN.

MUNGKIN DALAM TAHUN 1986 NANTI BANDAR ITU MENJADI SEBUAH BANDAR SATELIT DAN DIPENUHI DENGAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, RUMAH KOS RENDAH, KONDOMINIUM DAN LAIN-LAIN BAGI MENAMPUNG PENDUDUK SERAMAI 30,000 ORANG DAN MEMBERIKAN PERKHIDMATAN KEMUDAHAN KEPADA 150,000 ORANG PENDUDUK DI KAWASAN SEKITARNYA.

TURUT HADIR DI UPACARA ITU IALAH BALU ALLAHYARHAM TUN RAZAK, ^{TUN} TOH PUAN HAJAH RAHAH, ANAK SULONG BELIAU, DATUK NAJIB YANG JUGA TIMBALAN MENTERI KEWANGAN SERTA DUA ORANG ADIKNYA, DAN GABENOR JAKARTA, LT. GEN. DJOKROPRANOLO. -- BERNAMA 1645/SZ